

NAMA : _____

KELAS : _____

Arahan : Kenalpasti 7 isi tersurat daripada petikan di bawah.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan, swasta, persatuan atau badan bukan kerajaan (NGO) dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan remaja bagi membentuk generasi muda negara yang berilmu, berdaya saing, disegani, dan mampu bersaing pada masa depan. Membaca akan membezakan seseorang remaja dengan remaja yang lain. Hal ini demikian kerana bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca.

Aktiviti membaca sebenarnya mempunyai banyak kelebihan. Dengan membaca, kita dapat menjaga otak untuk terus kekal aktif. Sebenarnya membaca merupakan satu senaman minda. Dengan membaca, kita akan melakukan satu proses aktif minda dengan menggunakan sel-sel dalam otak untuk berfikir dan mengaktifkan sel-sel tersebut dan seterusnya membuatkan minda kita menjadi lebih sihat. Lanjutan daripada membaca juga, ilmu pengetahuan kita akan bertambah. Hal ini demikian kerana semua yang kita baca akan tersimpan dalam otak. Semakin kerap kita membaca, semakin banyak ilmu pengetahuan yang kita miliki.

Selain itu, membaca akan menguatkan daya ingatan. Apabila kita membaca novel misalnya, kita akan mengingat pelbagai watak, latar belakang, pelbagai plot cerita, dan sebagainya. Secara tidak langsung, kita dapat melatih daya ingatan kita untuk menjadi lebih kuat bagi mengingat perkara yang dibaca. Di samping itu, membaca juga dapat menambahkan perbendaharaan kata. Semakin banyak kita membaca, semakin banyak perkataan yang kita peroleh. Dengan itu, kemahiran penulisan kita akan menjadi bertambah baik.

Seterusnya, membaca dapat mengurangkan tekanan. Menurut kajian, dengan membaca novel, kita akan dapat mengurangkan masalah peribadi, masalah di tempat kerja atau masalah lain yang sedang dihadapi. Hal ini dikatakan demikian kerana dipercayai bahawa novel yang ditulis dengan baik dapat membawa pembacanya ke alam lain, manakala artikel yang menarik akan mengalihkan perhatian seseorang untuk tidak memikirkan masalah yang sedang dihadapi. Membaca juga dapat membantu kita berkomunikasi dengan lebih baik. Dengan ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada aktiviti membaca, kita akan berasa lebih yakin untuk berkomunikasi.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Budaya Membaca Remaja' oleh Sham A. Kadir,
Dewan Siswa Bil. 4, 2020

Isi 1 : Dapat menjaga

Isi 2 : _____

Isi 3 : _____

Isi 4 : _____

Isi 5 : _____ bertambah baik.

Isi 6 : _____

Isi 7 : _____